

PERSATUAN PERUBATAN, PENGUBATAN & KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA

NORMA BAHARU
CORONAVIRUS COVID-19

ELAK 3S

- Tempat SESAK** (Illustration of crowded people)
- Tempat SEMPIT** (Illustration of narrow space)
- SEMBANG dekat** (Illustration of people talking close together)

AMAL

- Kerap cuci tangan dengan air & sabun
- Pakai Pelitup Muka (Facemask)
- Amaran/ Ingat mengingati: Tidak bersalaman, Amal etika batuk & bersin Disinfeksi, Dapatkan rawatan jika bergejala

Dengan Izin-Nya, Allah Menyembuhkan Dengan Kudrat-Nya

ALMARHUM TUAN GURU DATO' DR HARON DIN
::: Pengasas Darussyifa' :::



MENGENAI DARUSSYIFA'

Sejarah Darussyifa'


hy Umum 12/06/2017

Fakta:

- i. 17-April-1988: Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam (Darussyifa') ditubuhkan secara rasmi.
- ii. 2-Januari-1990: Majlis pecah tanah pembinaan bangunan Darussyifa'.
- iii. 17-Mac-1991: Bangunan Darussyifa' mula digunakan.
- iv. 1-September-1991: Perasmian Bangunan telah dilaksanakan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Azman Hashim.

Darussyifa' merupakan sebuah tempat rawatan yang terkenal di kalangan penduduk Bangi dan masyarakat luar terutamanya orang Islam. Ia menjadi satu alternatif kepada orang ramai dalam usaha mencari kesembuhan penyakit selepas mendapatkan rawatan dari klinik dan hospital. Kebanyakan pesakit yang datang bukan hanya mengalami penyakit fizikal tetapi juga melibatkan penyakit rohani seperti terkena gangguan makhluk halus dan seumpamanya. Dengan kaedah yang diamalkan oleh Darussyifa' iaitu

KENYATAAN ALLAHYARHAM TUAN GURU



CARIAN

Kegiatan pengobatan Islam diwujudkan bersejajarnya dengan gabungan daripada perkataan **Dar** (rumah) dan **al-Syifa'** (kesembuhan). Idea penubuhan ini lahir daripada seorang pensyarah dan juga seorang ulama yang terkenal di tanah air. Beliau yang dimaksudkan ialah Yang Berbahagia Allahyarham Dato' Dr. Haron bin Din yang lebih dikenali dengan panggilan Ustaz Haron Din. Ustaz Haron Din bergiat dalam bidang rawatan dengan menggunakan doa-doa yang terdiri daripada ayat-ayat al-Qur'an dan Hadith serta sunnah Rasulullah S.A.W.



Ustaz Haron Din telah lama menceburkan diri dalam bidang rawatan tetapi dengan cara teratur dan serius berbanding dengan kegiatannya ketika di Ipoh, dan Bandar Baru Bangi. Selain memberi rawatan, Ustaz Haron Din juga akan tempat rujukan untuk mendapat khidmat nasihat oleh orang-orang yang menghadapi pelbagai masalah.



Kegiatan yang dilakukan oleh Ustaz Haron Din telah menarik minat sesetengah golongan untuk belajar daripadanya. Pada akhir tahun 1977, beberapa orang pelajar dari Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia telah datang menemui beliau meminta agar mereka ditunjuk ajar serba sedikit Ilmu Pengobatan Islam. Setelah berlaku beberapa pertemuan dan mereka memperlihatkan kesungguhan, maka bermulalah beberapa siri pembelajaran Ilmu Pengobatan secara kecil-kecilan. Kegiatan tersebut diadakan di tempat kediaman Ustaz Haron Din sendiri di Taman Bangi Jalan Reko, Kajang. Pertemuan-pertemuan ini terus berlaku dalam keadaan yang kurang tersusun. Setelah berpindah ke Bandar Baru Bangi (kediaman sekarang di No. 3, jalan 1/7D, Bandar Baru Bangi) bilangan pelajar yang menghadiri kelas semakin bertambah.

Pelajar yang terawal ialah Ustaz Abdul Rahman Mustafa (1977-78), kemudian diikuti oleh empat orang pelajar lain iaitu Ustaz Ali Haji Ahmad, Ustaz Abdul Rahim Abdul Ghafur, Ustaz Wan Ismail Wan Ibrahim dan Ustaz Muhammad Shafie Yusof. Sejak pengambilan mereka, Ustaz Haron Din mula memberi rawatan kepada masyarakat umum di rumahnya secara terbuka pada setiap hari Selasa bermula selepas solat Zohor hingga hampir waktu Maghrib. Kuliah-kuliah yang dijalankan lebih tersusun apabila kumpulan ketiga (1979-80) berjumlah 32 orang diambil.

Pelajar-pelajar ini telah mengambil kata sepakat agar kuliah-kuliah tersebut tidak terus menerus dilakukan di rumah Ustaz Haron Din tetapi dilakukan di

KATEGORI

Berita

Hebahan

Rencana

Umum


Uncategorized

ARKIB

December 2020

pengambilan kumpulan yang keempat (1985-86).

Kumpulan tersebut terdiri daripada 63 orang pelajar baru. Ruang rawatan dibuka seperti biasa dan bilangan pesakit semakin bertambah. Ini menyebabkan ruang tamu terpaksa dibesarkan untuk menampung kehadiran pesakit dan juga pelajar. Kuliah yang diadakan dari rumah ke rumah kemudian dihentikan. Kuliah hanya dijalankan di rumah Ustaz Haron Din ataupun di rumah-rumah yang mengadakan majlis tertentu. Majlis tersebut dihadiri oleh kebanyakan pelajar yang terlibat dalam pengubatan yang dijalankan.

 Ustaz Haron Din Kuliah-kuliah yang biasanya dijalankan setiap Selasa dan Rabu akhirnya ditukar ke Isnin malam Selasa. Bilangan pelajar semakin bertambah kerana gabungan di antara pelajar baru dan lama (yang belum masuk) yang hadir bersama. Setiap pelajar perlu datang sekali dalam masa dua minggu. Keadaan tersebut berlaku kerana terdapat pelajar senior yang datang ketika kuliah disampaikan kepada pelajar baru.

Satu pertemuan diadakan di rumah Tuan Haji Ismail bin Haji Ali, beralamat di No. 26, Jalan Daud, Kampung Baru Kuala Lumpur. Majlis zikir diadakan diikuti dengan kuliah. Kehadiran pelajar tetap ramai hingga menyebabkan ruang tamu rumah menjadi sempit. Keadaan ini yang mencetuskan ilham untuk membina bangunan baru bagi menampung pelajar yang semakin ramai.

Selepas itu mesyuarat jawatankuasa penubuhan bangunan rawatan Islam yang pertama telah diadakan di rumah Tuan Haji Abdul Rahman Haji Ahmad (Pegawai Daerah Seremban) pada 17 Ogos 1986. Pengerusi memaklumkan bahawa tujuan mesyuarat tersebut diadakan ialah untuk membincangkan tentang pembinaan sebuah bangunan rawatan Islam. Hasil daripada mesyuarat tersebut satu jawatankuasa tetap penubuhan bangunan pusat rawatan Islam telah ditubuhkan. Ia terdiri daripada:

Pengerusi : Haji Abdul Rahman Haji Ahmad
Naib Pengerusi : Y. Bhg. Datuk Abdul Rashid Mahmud
S/U Kehormat : En. Mohd Salleh Haji Kassim
Pen. Setiausaha : Haji Mohd Sharif Haji Ibrahim

March 2020

October 2019

August 2019

March 2019

January 2019

November 2018

September 2018

July 2018

June 2018

February 2018

January 2018

December 2017

November 2017

October 2017

September 2017

August 2017

July 2017

June 2017

June 2013

Jumlah Pelawat Terkini:

01250641

Ustaz Haron Din (Tanah) dan En. Mohamad Ahmad (Pelari). Beliau telah menyediakan pelan bangunan dua tingkat yang dianggarkan menelan belanja lebih kurang RM 200,000.00 (Dua ratus ribu ringgit).


Mesyuarat pada 26 Oktober 1986 di rumah Tuan Haji Jaafar Sidek dimaklumkan bahawa wang sebanyak RM3000.00 telah terkumpul sejak kutipan derma dilancarkan. Sidang mesyuarat juga diberitahu bahawa ada beberapa orang dermawan telah bejanji akan memberi derma berjumlah RM70,000.00. Selain itu, tanah untuk tapak bangunan telah diperolehi iaitu bersebelahan dengan rumah Ustaz Haron Din yang berharga RM16.00 sekaki persegi dengan keluasan 12,000 kaki persegi. Ketika itu harga tersebut masih dirundingan dengan tuan tanah.

Select Category ▾

Jawatankuasa bersetuju membayar pendahuluan sebanyak 10% daripada tanah tersebut. Tuan Haji Jaafar juga memberitahu bahawa beliau mempunyai dua orang rakan yang berhasrat ingin memberi khidmat percuma kepada penubuhan bangunan yang dirancangkan dalam bidang rekabentuk atau pelan dan kejuruteraan. Mereka ialah Tuan Haji Shamsudin Ahmad dan Tuan Haji Johari Jaalam. Ahli mesyuarat bersetuju melantik mereka untuk menganggotai jawatankuasa kecil pelan. Pelan bangunan yang siap dilukis oleh En. Mohamad Ahmad telah ditunjukkan kepada Tuan Haji Shamsudin Ahmad. Beliau bercadang untuk membuat satu pelan lain apabila pelan yang disediakan sebelum ini tidak dapat diterima kerana pembinaan bangunannya menelan belanja lebih daripada setengah juta ringgit. Dalam masa yang sama Ustaz Haron Din mendapat galakan daripada teman-teman agar meneruskan rancangan membina bangunan mengikut pelan baru.

Bemula dari tarikh tersebut, usaha mencari wang dimulakan dengan mengirinkan baucar-baucar dan surat-surat yang ditandatangani oleh Ustaz Haron Din, merayu sumbangan daripada orang-orang tertentu. Hasil daripada usaha itu di peringkat awal agak mengecewakan, kerana pulangnya terlalu sedikit, sedangkan wang yang diperlukan lebih daripada setengah juta.

Pada hari Ahad 17 April 1988, bertempat di rumah Ustaz Haron Din satu mesyuarat penubuhan persatuan telah diadakan. Seramai 88 orang telah hadir. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Datuk Abdul Rashid ini telah bersetuju menubuhkan persatuan yang diberi nama

tanah yang terletak bersebelahan dengan rumah Ustaz Haron Din telah bersetuju menjual tanah tersebut dengan harga RM76,776.00. Sebagai deposit wang sebanyak RM30,000.00 telah dibayar kepada tuan tanah. Wang tersebut hasil daripada jualan buku *Rawatan Pesakit Menurut al-Qur'an dan al-Sunnah*. Tuan Haji Ismail bin Haji Abdullah telah memberi sumbangan sebanyak RM 28,000.00. Ahli 

mesyuarat juga diberitahu

bahawa urusetia persatuan

telah mengajukan surat

ohonan pendaftaran

ohonan kepada Pendaftar

Mesyuarat

Jawatankuasa Persatuan yang

dibentuk pada 26 Mei 1989

telah dimaklumkan bahawa

mesyuarat agung penubuhan Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam

telah diadakan di rumah Ustaz Haron Din bermula jam 9.15 malam.

Selaras dengan perkara 15.4 Undang-undang Persatuan ahli mesyuarat telah bersetuju memilih Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Ahmad sebagai pengerusi, Haji Mohd Sharif bin Haji Ibrahim sebagai setiausaha dan En Mohamad Amin bin Hassan sebagai bendahari. Mesyuarat juga bersetuju mengagihkan tugas bagi menjalankan kegiatan persatuan kepada Jawatankuasa-jawatankuasa Kecil (JKK). Pengerusi untuk setiap jawatankuasa kecil tersebut adalah seperti berikut;

Pembangunan dan Harta : Datuk Haji Abdul Rashid Mahmud

Kewangan : En. Mohamad Amin Hassan

Pengubatan dan Pentadbiran Klinik : Haji Mohd Sharif Haji Ibrahim

Kebajikan dan Sosial : Haji Abdul Rahman Mustapha

Latihan, Kursus dan Seminar : Cikgu Mohd Nasir Jali

Anggota lain juga dilantik untuk membantu hal-hal berikut:

Kebajikan dan Sosial : Haji Ali Haji Ahmad

Penolong Setiausaha : En. Minhat Haji Budin A. Bahudin

Latihan : Dr. Mohd Omar Haji Salleh

Berhormat Menteri Besar Selangor ketika itu juga menyuarakan hasratnya untuk memberi bantuan kepada pembinaan Bangunan Pusat Perubatan.

Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Pembangunan dan Harta yang diadakan pada 6 Jun 1989 di rumah Ustaz Haron Din merupakan mesyuarat yang pertama setelah Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam didaftarkan. Usaha sedang dilakukan untuk menukar hak milik tanah daripada penjual kepada persatuan oleh Peguam Fadi. Sidang mesyuarat juga diberitahu bahawa bangunan yang dirancang itu dianggar menelan belanja sebanyak RM560,000.00 dengan jumlah belanja seperti berikut :

🐦	0,000.00	Kos pembinaan bangunan
🏠	560,000.00	Harga tanah
👤	1,000.00	Kelengkapan

Ketika ini masalah yang dihadapi oleh jawatankuasa persatuan ialah sumber kewangan yang tidak mencukupi. Setakat ini, usaha memungut derma tidak dijalankan secara terbuka tetapi ada juga individu yang sanggup menyumbangkan derma untuk projek ini. Biarpun jumlah wang terkumpul ketika itu sedikit, namun harapan untuk membina pusat rawatan tersebut tetap ada. Bagi Ustaz Haron Din rancangan ini bermula dari hasrat murni semata-mata kerana Allah s.w.t. Oleh itu ia mesti diteruskan kerana tugas manusia ialah berusaha dan merancang. Kebimbangan tetap dirasakan lebih-lebih lagi apabila tarikh memulakan kerja-kerja pembinaan semakin hampir. Tidak berapa lama selepas itu, salah seorang daripada ahli usrah memberitahu bahawa Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Azman Hashim ingin menemui Ustaz Haron Din untuk berbincang tentang pembinaan pusat rawatan Islam ini. Satu pertemuan diadakan di pejabat Tan Sri pada jam 6 petang keesokan harinya. Dalam pertemuan ringkas itu Tan Sri telah memberi jaminan kepada Ustaz Haron Din untuk memberi sumbangan bagi menyiapkan bangunan tersebut. Dengan bantuan kewangan yang diberikan oleh Tan Sri maka hasrat untuk melihat bangunan ini didirikan menjadi kenyataan.

Mesyuarat Jawatankuasa persatuan yang diadakan pada 20 Jun 1989 bertempat di no. 3488, Jalan Ampang Hilir 5, Kuala Lumpur yang dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Rahman Haji Ahmad telah dimaklumkan bahawa JKK Pengubatan dan Pentadbiran Klinik telah mengadakan mesyuarat dan membincangkan tentang sistem giliran bagi rawatan di klinik-klinik iaitu di Bangi dan Kampung Baru. Hasil daripada perbincangan tersebut, mereka memutuskan bahawa Ustaz Haron Din hanya merawat seramai 130 orang

harga kos tanpa mengambil keuntungan daripadanya. Pihak yang berkaitan telah menjalankan kerja-kerja persiapan awal seperti menyediakan pelan disamping menguruskan perkara pindah milik tanah.

Satu pejumpaan telah diadakan pada 19 Disember 1989. Di antara mereka yang hadir ialah ahli jawatankuasa pembinaan juga sebagai wakil daripada Tuan Haji Mustafa Kamal (Tuan Haji Abdullah Mardi dan En. Saflan Mohd Ali), En. Shamsudin Ahmad, En. Omar Ahmad, En. Nordin dan lain-lain. Mesyuarat bersetuju agar kerja pembinaan dimulakan pada 1 Februari 1990.

Sebelum upacara majlis doa selamat diadakan di tapak bangunan pada 2 Januari 1990 jam 6:30 petang, Ahli mesyuarat juga bersetuju dengan kos awal pembinaan bangunan iaitu sebanyak RM354,258.85. Bayaran kepada kontraktor akan dibuat dengan lima kali pembayaran manakala pembayaran pelan bangunan yang diluluskan ialah RM2,791.00. Selain itu papan tanda pembinaan juga didirikan seperti yang dicadangkan oleh pihak kontraktor.

Pada 11 Februari 1990 ahli mesyuarat telah berbincang dan bersetuju menerima Tetuan Emkay Associates Sdn. Bhd. sebagai pemborong yang akan membina bangunan persatuan dengan kos bemilal RM354,258.85 dalam tempoh 12 bulan. Tarikh mobilisasi pula berkuatkuasa mulai 15 Januari 1990. Penyerahan tapak kepada kontraktor dilakukan pada 2 Februari 1990. Selain itu sumber kewangan juga datang daripada derma yang diterima setiap minggu di klinik Bangi dan Kampung Baru sebanyak RM200. Mesyuarat yang diadakan pada 26 Februari 1990 telah melantik seorang ahli persatuan iaitu Haji Ishak Haji Arshad untuk mewakili kepentingan persatuan dalam penyeliaan projek pembinaan. Mesyuarat juga meminta bendahari menyemak dan menyediakan senarai edaran buku yang bayarannya belum diterima. Mereka yang masih berhutang diminta menjelaskannya dengan segera. Setiap ahli juga diminta untuk mengambil 20 buah buku "Rawatan Gangguan Makhluq Halus Menurut al-Qur'an dan al-Sunnah" untuk diedarkan. Dalam masa yang sama, hasrat untuk mendokumentasikan sejarah persatuan ini ditimbulkan oleh JKK Penerbitan.

Mesyuarat jawatankuasa yang diadakan pada 3 April 1990 dimaklumkan tentang perlu adanya sokongan moral untuk penubuhan klinik cawangan di Jitra Kedah begitu juga dengan penubuhan Klinik Perubatan Islam di Banting.

Bersempena dengan perasmian bangunan persatuan yang dicadangkan, satu risalah tentang penubuhan hasil tulisan Dr. Amran Kasimin diterbitkan. Ahli mesyuarat telah bersetuju mengeluarkan zakat pada tahun 1990 sebanyak RM 10,000 yang diberi kepada Sekolah Tasdikiah Songkhla Hatyai, Songkhla Thailand.

Bangunan Darussyifa' mula digunakan pada hari Ahad 17 Mac 1991 bersamaan dengan 1 Ramadan 1411H. Anggota persatuan telah menubuhkan majlis Maghrib berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz Haron Din. Bangunan ini terus digunakan untuk rawatan dan kuliah pengubatan. Perasmian Bangunan telah dilakukan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Azman Hashim pada 17 Mac 1991.

Like

[Asas Pengubatan D...](#)

[Definisi Logo Darus...](#)

ABOUT AUTHOR



About Author: **Hy**

LEAVE A COMMENT

Your email address will not be published. Required fields are marked *





ase enter an answer in digits:



two × two =



I'm not a robot

reCAPTCHA
[Privacy](#) - [Terms](#)

Post Comment

